

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 28

**AKTA PERIKANAN
(PENGGAL 61)**

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(BANGUNAN MEMPROSES IKAN), 2002**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan tidak dikenakan.
2. Tafsiran.
3. Lesen dikehendaki.
4. Permohonan dan butir-butir.
5. Lesen memproses ikan.
6. Pembaharuan lesen.
7. Lesen hendaklah dipamerkan.
8. Syarat-syarat bangunan memproses ikan.
9. Kehendak-kehendak kesihatan.
10. Program jaminan kualiti.
11. Pemeriksaan.
12. Sijil.
13. Penarikan balik sijil.
14. Kewajipan pemohon dan pemegang lesen.

JADUAL — BAYARAN

**AKTA PERIKANAN
(PENGGAL 61)**

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(BANGUNAN MEMPROSES IKAN), 2002**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5 dari Akta Perikanan, maka Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan tidak dikenakan.

1. (1) Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perikanan (Bangunan Memproses Ikan), 2002.

(2) Tertakluk kepada Akta tersebut, mana-mana bangunan memproses ikan yang berkaitan dengannya suatu lesen telah dikeluarkan adalah tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"bangunan memproses ikan" bermakna mana-mana kilang, loji, premis atau tempat di mana ikan dan ikan proses disimpan, dikendalikan, diproses, digred atau dibungkus, bagi maksud-maksud komersial;

"kawasan basah" bermakna mana-mana tempat di dalam bangunan memproses ikan di mana ikan didapatkan, diproses, dikendalikan atau disimpan;

"kawasan kering" bermakna mana-mana tempat selain dari suatu kawasan basah;

"lesen" bermakna suatu lesen memproses ikan yang dikeluarkan di bawah peraturan 5;

"memproses" bermakna —

(a) memotong dan semua cara mengilang dan mengawet;

(b) menguliti, mengeluarkan usus, menyisik, membuang ekor, membersih, mengikis, menyahtulang, menyuci, menyahkotoran, memasini, menyalai, memasak, mengering, mengetin, menyejuk-beku, mendingin, menyahsejuk beku, memerap, menjeruk, mengawet, mengisar, menapai, dan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

termasuk sebarang penyediaan lain ikan dan ikan proses untuk makanan manusia;

"merinyu ikan" bermakna seseorang merinyu yang diberi kuasa oleh Pengarah untuk membuat pemeriksaan di bawah Peraturan-Peraturan ini;

"pekerja" bermakna seseorang yang bekerja di bangunan memproses ikan dan termasuk pemiliknya;

"pemeriksaan" bermakna sebarang kegiatan yang dijalankan oleh seseorang merinyu ikan bagi maksud memastikan sama ada kehendak Peraturan-Peraturan ini dipatuhi;

"sijil" bermakna suatu sijil kesihatan yang dikeluarkan di bawah peraturan kecil (4) peraturan 12.

Lesen dikehendaki.

3. Tiada sesiapa pun boleh mengendalikan bangunan memproses ikan kecuali dengan suatu lesen.

Permohonan dan butir-butir.

4. Pemohon bagi suatu lesen hendaklah memohon secara bertulis kepada Pengarah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah dan hendaklah (jika dikehendaki) memberikan butir-butir yang berikut —

(a) nama, nombor kad pengenalan dan alamat pemohon;

(b) nama dan alamat perniagaan, jika ada;

(c) alamat dan luas kawasan premis yang hendak digunakan sebagai bangunan memproses ikan dan perihalan perniagaan yang dimaksudkan;

(d) lukisan, dalam dua salinan, dengan spesifikasi yang menerangkan dan memerihalkan dengan jelas premis pemohon, yang menunjukkan lokasi bangunan, kelengkapan, laluan jalan, sink cuci tangan, perigi air dan tangki menyimpan air, sistem saliran dan saluran najis dan yang menyediakan supaya sistem saliran bangunan memproses ikan terpisah dari saluran najis ke suatu tempat di luar bangunan; dan

(e) maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah.

Lesen memproses ikan.

5. (1) Pengarah hendaklah, setelah berpuashati bahawa pemohon telah mematuhi syarat-syarat yang disebut dalam peraturan 8 dan telah membayar bayaran yang ditetapkan dalam Jadual, mengeluarkan suatu lesen memproses ikan kepada pemohon dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

(2) Lesen tersebut hendaklah sah mulai dari tarikh ia dikeluarkan bagi tempoh selama satu tahun.

(3) Sekiranya sebarang syarat yang disebut dalam peraturan 8 dilanggar, Pengarah boleh menggantung atau membatalkan mana-mana lesen.

Pembaharuan lesen.

6. Peraturan-peraturan 4 dan 5 hendaklah juga dikenakan kepada pembaharuan suatu lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan.

7. Suatu lesen hendaklah dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di bangunan memproses ikan berserta dengan satu salinan syarat-syaratnya, jika ada.

Syarat-syarat bangunan memproses ikan.

8. Premis yang digunakan sebagai bangunan memproses ikan hendaklah mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

Kehendak-kehendak kesihatan.

9. Tiada sesiapa pun yang menghidap sebarang penyakit berjangkit atau penyakit vesikular, penyakit kulit berterusan, kudis dan sebarang penyakit lain yang mungkin mencemari produk yang diproses di bangunan memproses ikan boleh dibenarkan untuk bekerja di premis tersebut dan pemegang lesen hendaklah menyebabkan supaya setiap pekerja menjalani pemeriksaan perubatan pada tiap-tiap tahun.

Program jaminan kualiti.

10. Setiap pemegang lesen hendaklah melaksanakan suatu program jaminan kualiti yang dibenarkan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

Pemeriksaan.

11. Seseorang merinyu ikan boleh memasuki bangunan memproses ikan pada bila-bila masa yang bersesuaian untuk memeriksa premis, kelengkapan, pengendalian, penyimpanan, bahan-bahan, ikan proses, rekod atau untuk mengambil contoh untuk dianalisa, atau sebarang maksud lain yang berkaitan untuk memastikan bahawa sebarang kehendak, atau sebarang syarat yang dikenakan di bawah, Peraturan-Peraturan ini telah dipatuhi.

Sijil.

12. (1) Tiada ikan dan ikan proses, yang dimaksudkan untuk makanan manusia, boleh dieksport melainkan jika suatu sijil telah dikeluarkan.

(2) Tiada sijil boleh dikeluarkan melainkan jika ikan atau ikan proses itu —

(a) telah diproses dan dibungkus di premis yang telah dilesenkan;

(b) telah diproses, dibungkus, dilabel, disimpan dan diangkut menurut syarat-syarat yang disebut dalam peraturan 8;

(c) pada pendapat Pengarah, adalah sesuai untuk makanan manusia; dan

(d) memenuhi sebarang kehendak luar negeri yang telah dibenarkan oleh Pengarah dan yang mengenainya pemegang lesen telah diberitahu.

(3) Pemohon bagi suatu sijil hendaklah memohon secara bertulis kepada Pengarah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

(4) Pengarah hendaklah, setelah berpuas hati mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam pefaturan kecil (2) dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual dibayar, mengeluarkan suatu sijil kesihatan kepada pemohon dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

Penarikan balik sijil.

13. Tertakluk kepada peraturan kecil (2), Pengarah atau seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh, pada bila-bila masa dan tanpa mengambil kira lokasi ikan atau ikan proses itu, menarik balik sijil yang telah dikeluarkan di bawah peraturan 12 jika —

(a) pernyataan dalam sijil itu adalah tidak tepat atau tidak lagi betul, sama ada atau tidak berkaitan dengan semua atau sebahagian dari ikan atau ikan proses itu; atau

(b) sijil itu tidak boleh diterima atau tidak lagi boleh diterima oleh pihak-pihak berkuasa di negara di mana ikan atau ikan proses itu dieksport.

(2) Kuasa untuk menarik balik suatu sijil di bawah peraturan ini boleh dijalankan oleh Pengarah atau seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa, walaupun orang yang menarik balik sijil itu tidak mengeluarkan sijil itu.

(3) Pengarah, seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa atau merinyu ikan boleh pada bila-bila masa memeriksa apa-apa ikan atau ikan proses, walaupun suatu sijil telah dikeluarkan berkaitan dengan ikan atau ikan proses itu.

(4) Jika suatu sijil telah ditarik balik menurut peraturan kecil (1), orang yang menarik balik sijil itu —

(a) hendaklah mengarahkan bagaimana ikan atau ikan proses yang dimasukkan dalam sijil itu akan ditangani; dan

(b) boleh, atas permintaan mana-mana pihak yang berkepentingan, mengeluarkan satu lagi sijil untuk meliputi apa-apa ikan atau ikan proses yang dimasukkan dalam sijil asal dan yang berkaitan dengannya suatu sijil, pada masa pemeriksaan, mungkin boleh dikeluarkan.

(5) Setiap arahan yang diberikan di bawah perenggan (a) peraturan kecil (4) hendaklah dipatuhi dengan serta-merta oleh orang yang diberikan arahan itu.

(6) Jika suatu sijil telah ditarik balik menurut peraturan kecil (1), orang yang memiliki sijil itu dan mana-mana salinan sijil itu hendaklah berusaha dengan cara yang berpatutan untuk menyerahkannya dengan serta-merta kepada orang yang menarik balik sijil itu.

Kewajipan pemohon dan pemegang lesen.

14. Tiap-tiap pemohon dan pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pada setiap masa yang munasabah, ejen-ejen dan pekerja-pekerjanya —

(a) memberikan kepada mana-mana merinyu ikan kebebasan untuk memasuki tanpa halangan dan menggunakan semua keselesaan, kemudahan, alat dan rekod;

(b) memberikan maklumat, termasuk maklumat berkaitan dengan bahan tambah, ramuan, kontena dan kawasan penyelenggaraan, berkaitan dengan proses yang digunakan dalam menangani apa-apa ikan atau ikan proses;

(c) menunjukkan proses-proses; dan

(d) mematuhi arahan-arahan yang sah,

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh merinyu ikan semasa menjalankan tugas-tugasnya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL

(peraturan-peraturan
5(1) dan 12(4))

BAYARAN

Bagi pengeluaran atau pembaharuan lesen memproses ikan	\$50.00 setahun
Bagi pengeluaran sijil kesihatan	\$2.00

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 18 haribulan Mei, 2002.

PEHIN ORANG KAYA SETIA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ABDUL RAHMAN BIN
DATO SETIA HAJI MOHD TAIB
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.